

A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

LAPORAN SUKAN TAHUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN SEMENYIH

Sekolah Kebangsaan Semenyih telah membuka tirai sukan olahraga tahunan yang pertama pada 12 Mei 2005. Acara sukan dimulakan pada pukul 8.00 pagi. Acara sukan dihentikan pada pukul 12.30 tengah hari dan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Sukan ini melibatkan murid-murid tahun satu hingga tahun enam yang dikelaskan kepada kumpulan A, B dan C. Mereka mewakili empat buah rumah sukan, iaitu Rumah Tuah, Rumah Jebat, Rumah Lekir dan Rumah Lekiu. Acara sukan yang diadakan pada hari tersebut ialah acara balapan seperti acara lumba lari 75 meter kelas C, 100 meter kelas A dan B, 200 meter kelas A dan B, dan acara lari berganti-ganti 4 X 100 meter dan 4 X 200 meter kelas A dan B.

Selain itu, acara sukan juga diadakan. Sebahagian daripada acara sukan sudah dijalankan seminggu sebelum ini. Antaranya termasuklah acara lompat jauh, lompat tinggi dan lontar peluru. Acara sukan diadakan secara berkumpulan mengikut rumah sukan seperti acara lari berhalangan, mengisi air ke dalam botol, mengutip bola dan memakai terompah gergasi. Selain acara sukan, diadakan juga pertandingan perbarisan dan hiasan rumah tercantik untuk memeriahkan temasya sukan yang julung kali diadakan.

Beberapa acara sukan untuk guru-guru, ibu bapa, dan pegawai-pegawai sukan turut disediakan. Pihak sekolah turut mengundang beberapa pasukan dari sekolah yang berhampiran untuk beradu dengan pasukan tuan rumah. Hujan renyai-renyai pada sebelah petang tidak menghalang perjalanan temasya sukan. Temasya sukan diteruskan kerana kebanyakan guru dan murid berpendapat bahawa alang-alang berdakwat biar hitam.

Seluruh warga Sekolah Kebangsaan Semenyih benar-benar berpuas hati dengan acara-acara yang diadakan. Walaupun dijalankan secara sederhana, temasya sukan itu tetap meriah dengan adanya kerjasama semua pihak. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat. Johan perbarisan dimenangi oleh pasukan Rumah Tuah. Rumah Jebat memenangi pertandingan hiasan rumah tercantik. Johan keseluruhan disandang oleh Rumah Lekiu. Mohd Rosyam Arif dari Rumah Lekiu dan Zuraini Osman dari Rumah Tuah masing-masing diisyiharkan sebagai Olahraga dan Olahragawati Terbaik 2005. Majlis bersurai tepat pada pukul 6.30 petang.

Disediakan oleh,

Aris Iskandar

(ARIS ISKANDAR BIN WAN JUSOH)

Setiausaha Sukan,

Sekolah Kebangsaan Semenyih.

28 Mei 2005.

- 1 Berapa lamakah masa yang diambil bagi menjayakan sukan olahraga tahunan sekolah tersebut?
 A 8 jam 30 minit B 9 jam 30 minit C 10 jam 30 minit D 11 jam 30 minit
- 2 Acara apakah yang **tidak** dijalankan dalam temasya sukan kali pertama ini?
 A Lumba lari 75 meter kelas C C Lumba lari 100 meter kelas B
 B Lumba lari 75 meter kelas B D Lumba lari 100 meter kelas A
- 3 Penyataan-penyataan yang berikut benar tentang temasya sukan tersebut, **kecuali**
 A Rumah Tuah berjaya melahirkan olahragawati terbaik 2005
 B Murid-murid dikelaskan kepada tiga kategori mengikut umur
 C Rumah Lekir langsung tidak mempunyai atlet yang berpotensi
 D Pertandingan bermula sejak seminggu sebelum temasya sukan
- 4 Bilakah temasya sukan olahraga kali ketiga akan diadakan?
 A Tahun 2006 B Tahun 2007 C Tahun 2008 D Tahun 2009
- 5 Bilakah acara lompat tinggi kategori lelaki dan perempuan diadakan?
 A 5 Mei 2005 B 12 Mei 2005 C 19 Mei 2005 D 26 Mei 2005

B

Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

1. Di zaman melenium ini, kereta sudah menjadi satu daripada keperluan harian bagi setiap keluarga. (salah)
Pada zaman melenium ini, kereta sudah menjadi satu daripada keperluan harian bagi setiap keluarga. (betul)
(Di untuk menyatakan tempat sahaja) manakala {Pada untuk menyatakan waktu atau masa}
{Pada untuk merujuk manusia dan haiwan apabila didahului perkataan "ada" - Radio itu ada pada Rahim}
{Pada untuk menunjukkan tempat bagi perbutan sesuatu kata kerja – Gantungkan jam itu pada dinding}
{Pada digunakan dalam bentuk ungkapan seperti pada saya, pada pendapatnya, dan pada pandangan saya}

1. Cik Nurul Zalina bekerja firma peguam itu sudah masuk tahun yang ketiga. (di, pada)

Jawapannya : _____

2. Perlawanan bola sepak kalah singkir itu bermula hari Sabtu, pukul lima petang. (di, pada)

Jawapannya : _____

3. masa kejadian ombak besar tsunami melanda, dia sedang bercuti di Pulau Pinang. (di, pada)

Jawapannya : _____

4. Ada sebatang pokok durian siam yang lebat buahnya belakang rumah Wak Nayan. (di, pada)

Jawapannya : _____

5. "Gantungkan perhiasan tulisan khat itu dinding bilik sembahyang pejabat saya," kata Nawawi. (di, pada)

Jawapannya : _____

C

Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan menggunakan **kata penguat** yang **betul**.

amat	benar	nian	sekali	paling
------	-------	------	--------	--------

- 1 Tepat jawapan Matematik yang diberikan oleh Wan Nurhazim itu.

- 2 Pakaian seragam kadet remaja yang dipakai oleh Saiful Nizam itu kemas

- 3 Dewan Majlis Perbandaran Shah Alam itu terang apabila semua lampu dipasang.

- 4 Indah pemandangan di tepi pantai Teluk Batik pada saat matahari hendak terbenam.

- 5 Bangunan Kembar Petronas yang terletak di Kuala Lumpur ialah bangunan tinggi di Asia.

**D**

Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang bergaris.

- 1 Sudah berapa lamakah kamu bergiat dalam bidang penulisan puisi?
A Sepanjang yang saya ingat, sudah hampir sepuluh tahun.
B Sejak sepuluh tahun saya berminat dalam bidang penulisan puisi.
C Saya akan bergiat dalam bidang penulisan puisi selama sepuluh tahun.
D Puisi sepuluh tahun adalah satu daripada kegiatan bidang penulisan.
- 2 Apakah yang mesti serta perlu kita lakukan semasa memandu?
A Kita perlu serta mesti berhati-hati semasa memandu.
B Kita perlu serta mesti memeriksa kereta yang kita pandu.
C Kita perlu serta mesti mendengar lagu semasa memandu.
D Kita perlu serta mesti memandu dengan kelajuan maksimum.
- 3 Apakah perasaan saudara apabila diumumkan sebagai murid cemerlang?
A Kejayaan saya ini memang telah diduga dari awal lagi.
B Saya akan belajar bersunguuuh-sungguh di tahun hadapan.
C Saya berasa sangat gembira dan bangga atas kejayaan ini.
D Keluarga sayalah yang banyak mendorong saya untuk mencipta kecemerlangan.
- 4 Bagaimanakah rasa air kelapa pandan yang baru kamu beli itu?
A Air kelapa pandan ini harganya tidaklah mahal sangat.
B Air kelapa pandan ini rasanya manis dan berbau wangi.
C Ya, air kelapa pandan ini baru sahaja diperkenalkan.
D Sudah tentu, air kelapa pandan ini memang menjadi kegemaran saya.

**E**

Pilih ayat yang paling sesuai sebagai soalan kepada jawapan yang bergaris.

- 1 Muhammad Effendie pulang ke kampung untuk menghadiri majlis perkahwinan sepupunya.
A Siapakah yang pulang ke kampung?
B Ke manakah Muhammad Effendie pergi?
C Di manakah sepupu Muhammad Effendie tinggal?
D Apakah tujuan Muhammad Effendie pulang ke kampung?
- 2 Kami sekeluarga akan pergi berkelah ke Teluk Batik, pada pagi besok.
A Mengapakah kalian pergi berkelah ke Teluk Batik, pada pagi besok?
B Kalian pergi berkelah pada pagi besok ke Teluk Batik?
C Ke manakah lokasi perkelahan yang kalian rancang pada pagi besok?
D Berapa orangkah yang akan pergi berkelah pada pagi besok?
- 3 Rancangannya untuk berangkat ke Tanah Suci, Mekah tertunda kerana kekurangan wang.
A Adakah dia kekurangan wang?
B Berapa lamakah dia berada di Mekah?
C Bilakah rancangannya untuk pergi ke Tanah Suci, Mekah?
D Apakah sebabnya dia menunda rancangan pemergiannya ke Tanah Suci, Mekah?
- 4 Kalau tidak silap saya, Fazeera Eliyana pergi bercuti ke Pulau Langkawi.
A Ke manakah Fazeera Eliyana pergi?
B Siapakah yang pergi ke Pulau Langkawi?
C Adakah Fazeera Eliyana sedang bercuti di Pulau Langkawi?
D Bilakah Fazeera Eliyana pergi ke Pulau Langkawi?
- 5 Saya suka melancong ke Pulau Tioman kerana pantainya yang cantik dan bersih.
A Apakah benda yang cantik dan bersih di Pulau Tioman?
B Mengapakah awak suka melancong ke Pulau Tioman?
C Di manakah letaknya pusat pelancongan Pulau Tioman?
D Pulau Tiomankah destinasi yang awak pilih untuk melancong?
- 6 Majlis itu diadakan khas untuk meraikan kaum ibu bersempena dengan sambutan Hari Ibu.
A Di manakah sambutan Hari Ibu diadakan?
B Bilakah tarikh sambutan Hari Ibu diadakan?
C Mengapakah majlis sambutan Hari Ibu itu mesti diadakan?
D Siapakah yang akan diraikan dalam majlis sambutan Hari Ibu itu?

F

Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

Bahagian A

Bahagian A

[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



BAHAGIAN A

Nombor Soalan

10

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

Kamu dan rakan-rakan kamu telah menyertai rombongan sambil belajar, melawat ke sebuah kilang. Tuliskan suatu laporan tentang lawatan kamu itu.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.

berisi

kosmetik

manfaat

bauan

dipanaskan

terletak

disalurkan

lawatan

disejukkan

seramai

**Laporan Lawatan Sambil Belajar
Ke Kilang UNITATA, Hutan Melintang, Perak**

Pada 28 Mei 2005, ...**(1)**... 40 orang anggota Persatuan Sains, SK Raja Muda Musa, Teluk Intan telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke sebuah kilang yang menghasilkan barang dari minyak kelapa sawit. Kilang tersebut ialah UNITATA yang ...**(2)**... di Hutan Melintang, Perak.

Di kilang itu, kami dibawa melihat tangki ...**(3)**... minyak kelapa sawit yang belum diproses. Minyak ini ditapis dan ...**(4)**... untuk menghasilkan berbagai-bagai jenis minyak. Antara minyak yang dihasilkan termasuklah minyak masak dan marjerin.

Minyak ini ...**(5)**... ke bahagian-bahagian yang tertentu. Misalnya, minyak untuk menghasilkan marjerin disalurkan ke sebuah loji khas. Selepas itu, bahan-bahan seperti vitamin, pewarna, dan garam cecair akan dicampurkan sehingga sebatи. Campuran ini akan ...**(6)**... dan ditinkan. Dengan itu, marjerin sudah sedia untuk dipasarkan.

Bagi menghasilkan barang ...**(7)**... seperti sabun, pelembab kulit, dan pencuci muka, loji yang lain pula digunakan. Kawasan loji ini menerbitkan ...**(8)**... yang harum.

Lawatan ini banyak memberikan ...**(9)**... kepada kami. Pada tahun hadapan, kami berharap agar dapat mengadakan ...**(10)**... ke tempat-tempat yang lain pula.

Laporan disediakan oleh,

Siti Nurul Aisah

(SITI NURUL AISAH BINTI ISHAK)
Setiausaha Persatuan Sains,
SK Raja Muda Musa, Teluk Intan.

13 Jun 2005.

BAHAGIAN B

Nombor Soalan

30



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapati daripada petikan puisi di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Wahai kawan dengarlah pesanan,
Agar hidup selamat selalu;
Ke mana pergi menjadi teladan,
Di sanjung orang setiap waktu.

Ke mana pergi menjadi teladan,
Disanjung orang setiap waktu;
Berbudi bahasa menjadi sanjungan,
Jadikan hiasan buat dirimu.

Berbudi bahasa menjadi sanjungan,
Jadikan hiasan buat dirimu;
Penuhkan dada dengan bekalan,
Carilah ilmu dari gurumu.

Nombor Soalan

Bahagian C

20

A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

- Siti Zaharah : Selamat pagi, cikgu. Apa khabar?

Cikgu Zabidi : Selamat pagi. Khabar baik.

Siti Zaharah : Saya Siti Zaharah Zulkifli, pelajar Tahun Lima Kejora, Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda, ingin menemu ramah cikgu. Perkara yang ingin saya tanyakan ialah tentang kerjaya sebagai seorang penulis.

Cikgu Zabidi : Boleh, apa salahnya. Saya **tiada apa-apa halangan**.

Siti Zaharah : Sejak bilakah cikgu mula berjinak-jinak dengan dunia penulisan?

Cikgu Zabidi : Saya mula mengasah bakat dalam dunia penulisan sejak di bangku sekolah lagi. Saya pernah memenangi peraduan menulis cerpen di peringkat sekolah rendah.

Siti Zaharah : Apakah bidang penulisan yang paling cikgu gemari dan yang telah cikgu ceburi?

Cikgu Zabidi : Pada mulanya, cikgu lebih menumpukan perhatian pada penulisan novel remaja. Selain itu, cikgu ada menulis rencana, cerpen, skrip drama pentas, dan drama radio.

Siti Zaharah : Apakah antara tajuk-tajuk novel yang pernah dihasilkan?

Cikgu Zabidi : Novel-novel yang telah saya hasilkan termasuklah "Tragedi 26 Disember", "Gerakan Tengah Malam", "Perangkap Raja Laut", "Ekspedisi Tanpa Rencana", "Catatan Laut", "Berakhirnya Episod Culas" dan "Nostalgia Padang".

Siti Zaharah : Antara karya-karya yang dihasilkan, manakah yang paling bermakna buat cikgu?

Cikgu Zabidi : Karya yang paling bermakna buat saya setakat ini ialah novel "Catatan Laut". Novel ini telah memenangi tempat kedua dalam peraduan Hadiah Novel Nasional 1998/1999.

Siti Zaharah : Apakah harapan cikgu dalam dunia penulisan ini pada masa yang akan datang?

Cikgu Zabidi : Saya akan terus bergiat aktif dalam dunia penulisan ini. Hal ini demikian, sekiranya saya tidak ketandusan idea dan badan pun sihat.

Siti Zaharah : Itu sahaja soalan saya. Terima kasih saya ucapkan atas kesudian cikgu untuk ditemu ramah.

Cikgu Zabidi : Sama-sama.

- 1 Berdasarkan petikan di atas, Cikgu Zabidi mungkin seorang, **kecuali**

A novelis. B penerbit. C pendidik. D cerpenis.
 - 2 Apakah tujuan Siti Zaharah menemu ramah Cikgu Zabidi?

A Untuk mengetahui hasil penulisan beliau C Untuk mempelajari cara-cara menulis novel
B Untuk menghebahkan hasil penulisannya D Untuk bertanya tentang kerjaya sebagai penulis
 - 3 Apakah maksud **tiada apa-apa halangan** berdasarkan petikan di atas?

A Tidak suka untuk ditemu ramah C Tidak ada sesiapa yang akan menghalang
B Tidak menimbulkan apa-apa masalah D Tidak ada apa-apa yang hendak dicakapkan
 - 4 Pernyataan yang manakah yang **tidak benar** tentang Cikgu Zabidi?

A Berhenti menulis kerana ketandusan idea C "Catatan Laut" antara novelnya yang terbaik
B Sebanyak tujuh buah novel telah dihasilkan D Minat berkarya sejak di bangku sekolah rendah
 - 5 Pada pendapat kamu, apakah petua Cikgu Zabidi sehingga beliau berjaya sebagai seorang penulis?

A Memulakan usaha menulis sejak di bangku sekolah rendah
B Menumpukan perhatian pada penulisan novel remaja sahaja
C Sentiasa meningkatkan usaha dan mendalami ilmu penulisan
D Terus bergiat selagi ada idea dan banyak menyertai pertandingan

**B**

Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

1. Cik Noor Haryati memasukkan baju Kebaya Nyonya yang baru dibelinya itu **di** dalam almari. (salah)
Cik Noor Haryati memasukkan baju Kebaya Nyonya yang baru dibelinya itu **ke** dalam almari. (betul)
{Kata sendi "di" untuk menyatakan tempat, manakala kata sendi "ke" untuk menunjukkan tempat, arah, waktu, dan masa}
 2. **Apa** pun yang terjadi dalam keluarganya, jangan sesekali kamu cuba campur tangan. (salah)
Apa-apa pun yang terjadi dalam keluarganya, jangan sesekali kamu cuba campur tangan. (betul)
{Kata ganti nama tak tentu "apa-apa" bagi mengantikin benda, orang, masa, tempat, dan hal tidak khusus}
(Contoh kata ganti nama tak tentu - **apa-apa**, **siapa-siapa** atau **sesiapa**, **mana-mana**, dan **bila-bila**)
(Kata tanya - **apa**, **siapa**, **mana**, **bila** berbeza maksudnya daripada **apa-apa**, **siapa-siapa**, **mana-mana**, **bila-bila**)
1. Dia berkunjung ke Pesta Jualan Mega itu tetapi tidak ada yang dibelinya. (**apa**, **apa-apa**)
 Jawapannya : _____
2. Puan Padmini dan keluarganya sedang bercuti dan membeli-belah Pulau Langkawi. (**di**, **ke**)
 Jawapannya : _____
3. pun yang akan terjadi, saya tetap meneruskan usaha menternak udang galah ini. (**Apa**, **Apa-apa**)
 Jawapannya : _____
4. yang belum membayar yuran keahlian tidak dibenarkan hadir dalam mesyuarat itu. (**Siapa**, **Siapa-siapa**)
 Jawapannya : _____
5. "Pilihlah corak baju yang kamu suka," kata jurujual itu kepada para pelanggannya. (**mana**, **mana-mana**)
 Jawapannya : _____

**C**

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- | | |
|---------------------------------|--|
| 1 Sudah jatuh ditimpa tangga | 4 Alah membeli menang memakai |
| 2 Patah tumbuh hilang berganti | 5 Malas berdayung perahu hanyut |
| 3 Bumi mana tidak ditimpa hujan | 6 Belakang parang diasah lagikan tajam |

- 1 Mesin basuh ini mahal sedikit harganya tetapi saya sudah menggunakan selama sepuluh tahun.

- 2 Saya memohon maaf sebab saya tidak menyangka bicara saya tadi telah menyenggung perasaan kamu.

- 3 Datuk Shahriman akan mengantikan tempat Dato' Adnan sebagai Ketua Pengarah Perbadanan Nasional.

- 4 Seminggu selepas rumahnya ranap dipukul ombak tsunami, anaknya pula disahkan mengidap sakit jantung.

- 5 Dia bukannya murid yang genius tetapi dia rajin dan gigih berusaha sehingga mencapai kejayaan gemilang.

- 1 A Santhian dan Senthuraman begitu merindui nenehnya di kampung.
 B Bunga-bunga yang ditanam olehnya hanya hidup sepokok sahaja.
 C Jualan murah di Mini Market Sekupang itu berlangsung selama dua hari sahaja.
 D Kerajaan menghadkan kemasukan pekerja asing ke Malaysia.
- 2 A Taman Botani adalah antara tempat yang menarik di Putrajaya.
 B Suasana di pasar itu riuh-rendah dengan suara penjual dan pembeli.
 C Enam orang pegawai polis kawal di sekitar bangunan itu.
 D Adik ketawa besar bila diusik oleh abang sebentar tadi.
- 3 A Mak Cik Zainora membawa kami makan ke restoran yang baru itu.
 B Keris yang hulunya sadur suasa itu bekas tangan datuk saya.
 C Dalam cerita drama bersiri itu, Laferten Adi gugur medan perang.
 D Cikgu Wee sedang melukis peta Malaysia di papan hitam.
- 4 A Setengah daripada pekerja kilang tekstil itu ialah rakyat Indonesia.
 B Ibu saya memberikan wang saku sebanyak seringgit sahaja pada saya setiap hari.
 C Pegawai PERHILITAN berjaya menangkap keempat-empat gajah liar itu.
 D Tutup suiz lampu dan penghawa dingin itu sebelum meninggalkan pejabat.
- 5 A Kerajaan negeri tidak akan mengabaikan pembangunan di kawasan pendalaman.
 B Hampir separuh murid-murid di sekolah ini tinggal di Taman Desa Bakti.
 C Puan Mary menyiapkan kerja rumah tatkala anaknya sedang tidur.
 D Bilakah kereta api pantai timur akan tiba di perhentian Gemas?
- 6 A Pokok belimbing itu condong di arah timur kerana dilanggar lori.
 B Datuk saya masih kuat walaupun usianya sudah mencelah seratus tahun.
 C Kakitangan kilang elektronik itu bekerja dari pagi hingga malam.
 D Pembinaan pasar borong itu dipercepatkan oleh Majlis Daerah Hilir Perak.
- 7 A Pekerja-pekerja itu sedang membuat pasu dari tanah liat sungai.
 B Beberapa rumah di kampung saya telah ditenggelami air bah.
 C Setiap pemain diminta berkumpul di kantin sekolah pagi esok.
 D Jalaluddin Hassan mengadakan majlis hari jadi yang ke-12.
- 8 A Mereka melaporkan kejadian rompakan itu kepada pihak polis.
 B Pesta dan pameran buah-buahan tempatan akan diadakan di bulan hadapan.
 C "Awak haruslah menyiap kerja sekolah itu segera," kata Cikgu Zahid.
 D Hafiz Hashim telah menjadi juara terbuka badminton "All England".
- 9 A Corak tulis batik yang cantik itu direka oleh Cik Azrita Ismail.
 B Abang Shahrizat jaya mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR.
 C Rahimie menyauk anak-anak ikan seluang ke dalam sungai itu.
 D Badan anak kucing parsi itu berbulu lebat dan warnanya cantik.
- 10 A Tiap-tiap peserta dikehendaki menyanyikan sebuah lagu wajib dan sebuah lagu pilihan.
 B Vendy Lee menyimpan sepertiga bahagian gajinya itu di dalam bank.
 C Bas ekspres itu bertolak dari stesen bas pada pukul tujuh pagi tiap hari.
 D Shahriman akan memohon lagi andai kata permohonan pertama kali itu gagal.
- 11 A Semasa hendak ke kedai, Muhammad Sani kehujanan.
 B Kebanyakan murid-murid Tahun Lima Waja mendapat keputusan cemerlang.
 C "Nah, nasi sudah menjadi bubur!" kata Mak Munah menyindir.
 D Pemuda itu mentafsirkan hutangnya yang berjumlah lima ribu ringgit.
- 12 A Setengah orang tidak mahu mengakui akan kesilapan sendiri.
 B Abdul Karem akan meneruskan kerja-kerja menembuk dinding itu sebentar lagi.
 C Ayah memagari kebun sayurnya daripada kawat yang berduri.
 D Cik Rosni menerima hadiah sepasang mini telekung daripada tunangnya.

E

Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

Bahagian A

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

- Tulis lima ayat lengkap tentang jadual di bawah.

Suatu Pesta Kanak-kanak Daerah Hilir Perak telah diadakan pada cuti pertengahan penggal pertama 2005. Pesta Kanak-kanak yang diadakan julung-julung kali ini telah berjaya menarik minat dan penyertaan sekolah-sekolah di Daerah Hilir Perak.

TARIKH	ACARA	TEMPAT/MASA
30 Mei 2005	<ul style="list-style-type: none"> Majlis perasmian oleh Pegawai Pelajaran Daerah Hilir Perak. Persembahan pantomin "Penderaan". 	Sekolah Kebangsaan Seri Intan, Teluk Intan. Mulai jam 2.00 petang.
31 Mei 2005	<ul style="list-style-type: none"> Pertandingan teater kanak-kanak. Pertunjukan permainan tradisional. 	Sekolah Kebangsaan Perwira, Teluk Intan. Mulai jam 8.30 pagi.
1 Jun 2005	<ul style="list-style-type: none"> Pertandingan mendeklamasi sajak, syarahan dan melaflaz puisi. Kuiz Bahasa Melayu. 	SK Raja Muda Musa, Teluk Intan. Mulai jam 9.00 pagi.
2 Jun 2005	<ul style="list-style-type: none"> Persembahan koir. Pengumuman keputusan. Penyampaian hadiah oleh Pengarah Pendidikan Negeri Perak. 	Dewan Utama Sekolah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan. Mulai jam 9.00 pagi.

BAHAGIAN A

Nombor Soalan	
---------------	--

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

10

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]
[30 markah]

Kamu seorang pengarang majalah sekolah dan dikehendaki menemu ramah Guru Besar sekolah kamu untuk mendapatkan maklumat tentang program menceriakan kawasan sekolah. Tuliskan temu ramah kamu dengan Guru Besar sekolah kamu itu.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan **pilih jawapan yang betul**.

kawasan

terlibat

tugasan

sikap

mewakili

program

turut

galakan

menyumbang

suasana

TEMU RAMAH DENGAN GURU BESAR TENTANG PROGRAM KECERIAAN SEKOLAH

Saya berpeluang menemu ramah Guru Besar sekolah saya dan bertanyakan tentang ...**(1)**... menceriakan sekolah. Yang berikut ialah perbualan saya dengan Guru Besar.

- Lidora : Selamat pagi, cikgu.
 Guru : Selamat pagi. Boleh saya bantu awak?
 Lidora : Saya Lidora, ...**(2)**... Majalah Mutiara sekolah ini. Saya ingin menemu bual cikgu tentang rancangan cikgu bagi menceriakan kawasan sekolah.
 Guru : Boleh, apa salahnya.
 Lidora : Cikgu, apakah tujuan utama program menceriakan ...**(3)**... sekolah ini?
 Guru : Sebenarnya, saya telah pun merancang dan menyusun beberapa aktiviti bagi menceriakan kawasan sekolah. Antara tujuannya ialah untuk mewujudkan ...**(4)**... "Sekolah Dalam Taman".
 Lidora : Siapakah yang ...**(5)**... menjayakan program "Sekolah Dalam Taman" ini?
 Guru : Semua guru dan murid-murid terlibat dalam menjayakan program ini. Seluruh warga sekolah digalakkan ...**(6)**... tenaga, idea, dan wang ringgit. Kita juga berusaha untuk mendapatkan penaja kepada program ini.
 Lidora : Bagaimanakah program ini dilaksanakan?
 Guru : Saya telah mengagihkan ...**(7)**... dan kawasan kepada kelas yang telah ditetapkan. Mereka akan dibimbing oleh guru kelas masing-masing. Majlis Daerah Kinta ...**(8)**... menyumbangkan beraneka jenis pokok bunga.
 Lidora : Apakah harapan cikgu selaku penyelaras program ini?
 Guru : Saya berharap agar murid-murid menanam ...**(9)**... bertanggungjawab bagi menjaga keceriaan dan kebersihan kawasan sekolah. Pihak sekolah juga menyediakan hadiah-hadiah ...**(10)**... bagi merealisasikan program ini.
 Lidora : Saya ucapkan terima kasih atas kesudian cikgu untuk ditemu ramah.

BAHAGIAN B

Nombor Soalan

30



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]


1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Azman bin Haji Adnan murid Tahun Enam Merah, Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak, ibarat permata yang berharga kepada sekolah dan guru-gurunya. Hal ini kerana dia bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah turut memiliki pelbagai bakat yang terpendam. Azman aktif berpersatuan dan sering mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Dia mula mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan sejak tahun satu lagi. Antara kejayaan yang dicapainya, menjadi johan Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu Peringkat Daerah Hilir Perak dan Peringkat Negeri. Dia juga menjadi johan dalam Pertandingan Catur peringkat daerah. Azman juga dipilih menjadi ketua kumpulan "Choral Speaking" yang berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan peringkat negeri Perak.

Bukan itu sahaja, Azman juga berbakat dalam bidang seni. Dia mahir dalam tarian tradisional Melayu dan bermain piano. Bakatnya terserlah semasa dia membuat persempahan sempena Hari Anugerah Cemerlang di sekolahnya tahun lalu. Sikapnya yang peramah dan periang disenangi seluruh warga sekolah. Walaupun sibuk, dia juga masih mempunyai masa untuk melakukan dua lagi aktiviti kegemarannya, bermain badminton dan berbasikal. Azman bercita-cita ingin menjadi seorang juruterbang yang berjaya.

Nombor Soalan

Bahagian C



A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

Terima kasih Tuan Pengacara Majlis, salam sejahtera saya ucapkan kepada yang berusaha Guru Besar, barisan Penolong Kanan, Guru-guru Cemerlang, guru-guru, rakan-rakan dan hadirin yang saya hormati.

Pada pagi yang indah dan permai ini, izinkan saya menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk "Biar Lambat Asalkan Selamat". Peribahasa ini membawa maksud sesuatu kerja itu hendaklah dibuat dengan cermat walaupun terpaksa mengambil masa yang lebih untuk disudahkan tetapi hasilnya boleh dibanggakan.

Membuat sesuatu kerja dengan teliti tetapi hasilnya sungguh memuaskan adalah lebih baik daripada membuat sesuatu kerja dengan cepat tetapi hasilnya tidak elok. Biasanya, jika kita ingin mendapatkan hasil kerja dalam masa yang singkat, kita akan melakukannya dengan tergopoh-gapah. Bekerja secara tergesa-gesa akan menyebabkan banyak berlaku kesilapan. Kita tepaksa mengulangi kerja itu semula. Lantaran itu, masa yang kita ambil tentulah lebih lama lagi. Minat untuk meneruskan kerja juga akan menurun.

Hadirin yang saya dihormati,

Andaikan, kita sedang menjalani aktiviti latih tubi mata pelajaran Matematik, jika pelaksanaannya secara tergopoh-gapah berkemungkinan kita melakukan kesilapan dan menyebabkan pilihan jawapan kita salah. Begitu juga semasa kita menulis karangan, kita hendaklah berhati-hati, ambil sedikit masa untuk menyemak hasil cetusan idea kita agar sifar kesalahan dari segi ejaan dan gramatis bahasanya.

Selain itu, ketika kita menyeberangi jalan raya umpamanya, kita perlu melihat ke kiri, ke kanan dan ke kiri semula sebelum melintas. Andainya kita tidak berbuat demikian, berkemungkinan kita akan mengundang tragedi. Keadaan ini tidak akan berlaku sekiranya kita berhati-hati. Begitulah juga dengan kemalangan yang sering berlaku. Para pemandu memandu kenderaan dengan laju untuk cepat sampai ke destinasi mereka tanpa menghiraukan keselamatan orang lain. "Biar Lambat Asalkan Selamat".

Warga dewan yang saya muliakan,

Apa yang saya nyatakan di sini, diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan. Sebelum saya **mengundur diri**, marilah kita sama-sama mempraktikkan frasa komsas ini "Biar Lambat Asalkan Selamat" dalam kehidupan sehari-hari kita. Saya memohon ribuan maaf seandainya terdapat kesilapan bahasa dan keterlaluan bicara sepanjang majlis.Izinkan saya mengundur diri. Sekian, terima kasih.

- 1 Berdasarkan petikan di atas, matlamat utama yang ingin disampaikan oleh penceramah ialah
 - A menyarankan agar sentiasa melambat-lambatkan kerja.
 - B memberitahu bukan semua kerja yang lambat itu selamat.
 - C menyatakan ketelitian kerja memerlukan masa yang lebih.
 - D mengajak orang ramai untuk melakukan kerja lambat-lamat.

 - 2 Kemalangan jalan raya boleh berlaku kerana sikap pengguna jalan raya, **kecuali**
 - A menggunakan kenderaan yang terpakai.
 - B tidak mematuhi peraturan lampu isyarat.
 - C keadaan kenderaan yang tidak sempurna.
 - D memandu melebihi had laju yang ditetapkan.

 - 3 Apakah punca hilang minat seseorang untuk meneruskan sesuatu pekerjaan?
 - A Sesuatu kerja yang mudah untuk disiapkan
 - B Melakukan kerja di tempat yang agak panas
 - C Gaji yang diberi oleh majikan kurang lumayan
 - D Melakukan kerja yang sama berulang-ulang kali

 - 4 Merujuk petikan di atas, situasi yang manakah tidak sinonim dengan peribahasa tersebut?
 - A Ketika berbaris untuk menaiki bas
 - B Ketika menggunakan telefon awam
 - C Ketika melintas jalan di bandar besar
 - D Ketika menghiris daging untuk dimasak

 - 5 Majlis syarahan ini telah dianjurkan oleh sebuah sekolah. Di manakah majlis syarahan ini diadakan?
 - A Di dataran kejat
 - B Di kantin sekolah
 - C Di dewan sekolah
 - D Di padang sekolah

**B**

Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

- Book icon: Peninju veteran itu berhasrat untuk bersara daripada arena sukan lasak tersebut hujung tahun ini. (salah)
Petinju veteran itu berhasrat untuk bersara daripada arena sukan lasak tersebut hujung tahun ini. (betul)
{"Peninju" membawa maksud tinju atau penumbuk, "Petinju" pula bermaksud orang yang berlawan tinju}
- Book icon: Emak membeli dua biji kek berperisa strawberi di pasar tani pagi tadi, " kata kakak kepada adiknya. (salah)
"Emak membeli dua biji kek berperasa strawberi di pasar tani pagi tadi, "kata kakak kepada adiknya. (betul)
{"Berperisa" membawa maksud bersedap atau berenak, "Berperasa" pula bermaksud rasa seakan-akan}

1. Saya akan teman-teman untuk berbuka puasa di rumah saya. (mengundang, menjemput)
Box icon: Jawapannya : _____
2. Saya tersalah sehingga kereta itu saya jual dengan harga yang murah sekali . (taksir, tafsir)
Box icon: Jawapannya : _____
3. Harga ayam sejak kebelakangan ini agak mahal berbanding dengan harganya tahun lepas. (telor, telur)
Box icon: Jawapannya : _____
4. Adik Muhammad Anwar sedang basikal yang baru dibelikan oleh ayah semalam. (menuntun, menonton)
Box icon: Jawapannya : _____
5. Guru Besar cenderamata kepada Puan Harisun di majlis jamuan perpisahan itu. (memberi, memberikan)
Box icon: Jawapannya : _____

**C**

Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan membetulkan ejaan yang sengaja disalahkan.

1. Saya belum mampu mempunyai keinderaan, baik kereta mahupun motosikal.

2. Tasik yang indah itu kelihatan seakan-akan suatu lingkungan apabila dilihat dari udara.

3. Secara berseluruh Cikgu Kartini mengatakan bahawa semua anak muridnya pandai belaka.

4. Ombak tsunami datang bergolong-golong lalu memukul kawasan pantai dan meranapkannya.

5. Keterangan saksi itu cucuk benar dengan situasi yang sebenar seperti yang digambarkan oleh pihak polis.

D

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang **bergaris** dengan betul.

- | | |
|--|---|
| <p>1 I "Janganlah sampai <u>tenggelam</u> dalam arus kemewahan kota," pesan ibunya.
II Kolek itu <u>tenggelam</u> apabila dipukul ombak yang besar.
III Wahid <u>tenggelam</u> dalam lautan manusia di stadium itu.
IV Balai raya itu telah <u>tenggalam</u> oleh air bah selama tiga malam.</p> <p>A I dan III sahaja C I, II dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja D I, II, III dan IV</p> | <p>6 I Adik sakit perut dan <u>melepas</u> di seluarnya sebentar tadi.
II Pak Cik Abu <u>melepas</u> kambing-kambingnya di padang ragut.
III Encik Nordin <u>melepas</u> peluang bertanding sebagai wakil rakyat.
IV Mereka pulang ke kampung untuk <u>melepas</u> rindu masing-masing.</p> <p>A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B I dan IV sahaja D I, II, III dan IV</p> |
| <p>2 I Hobi Jesika Lim <u>melayan</u> internet sehingga larut malam.
II Mat Jenin <u>melayan</u> perasaannya di atas pokok kelapa.
III Seniwati itu mendapat <u>melayan</u> istimewa dalam majlis itu.
IV Puan Latifah sedang <u>melayan</u> tetamu yang bertandang di rumahnya.</p> <p>A I dan III sahaja C I, II dan IV sahaja
B II dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> | <p>7 I Tayar hadapan kereta kancilnya <u>terbenam</u> di dalam selut.
II Rumah-rumah banglo itu <u>terbenam</u> akibat tanah runtuh.
III Pemandangan matahari <u>terbenam</u> di kaki langit indah nian.
IV Pihak penyelamat sedang menyelamatkan mangsa kapal yang <u>terbenam</u> itu.</p> <p>A I dan III sahaja C I, II dan III sahaja
B II dan IV sahaja D I, II dan IV sahaja</p> |
| <p>3 I Sudah berminggu-minggu Mak Cik Aminah tidak <u>lalu</u> makan.
II Muttalib menghempaskan beg sekolah <u>lalu</u> masuk ke biliknya.
III "Murid-murid dilarang <u>lalu</u> di lorong yang gelap itu," nasihat Guru Besar pagi tadi.
IV Kenangan pahit yang <u>lalu</u> masih terbayang dalam fikiran Muhammad Azrul.</p> <p>A I dan II sahaja C I, III dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja D I, II, III dan IV</p> | <p>8 I Sekatan perdagangan telah menyebabkan ekonomi negara itu <u>lumpuh</u>.
II Sayur-sayuran di kebunnya <u>lumpuh</u> kerana terkena racun rumpai.
III Kasihan, seluruh badannya <u>lumpuh</u> setelah diserang penyakit angin ahmar.
IV Persatuan belia kampung itu sudah <u>lumpuh</u> dan terpaksa dibubarkan.</p> <p>A I dan III sahaja C I, III, dan IV sahaja
B II dan IV sahaja D I, II, III dan IV</p> |
| <p>4 I Semenjak hari pertengkar itu, hubungan antara Ali dan Ahmad menjadi <u>longgar</u>.
II Jahitan pada baju kebaya kepunyaan adik sudah <u>longgar</u>.
III Undang-undang di sekolah kakak saudara saya agak <u>longgar</u>.
IV Seluar baru yang dibeli oleh Kamaruddin itu <u>longgar</u> betul.</p> <p>A I dan II sahaja C III dan IV sahaja
B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja</p> | <p>9 I Penduduk Desa sedang bergotong-royong <u>memotong</u> pokok besar itu.
II Pekerja-pekerja ladang itu menggunakan mesin untuk <u>memotong</u> rumput.
III Ibu memarahi adik kerana suka <u>memotong</u> cakap orang lain.
IV Pemandu dilarang <u>memotong</u> kenderaan lain di selekoh yang berbahaya itu.</p> <p>A III sahaja C I, III dan IV sahaja
B II dan IV sahaja D I, II, III dan IV</p> |
| <p>5 I <u>Cabang</u> Sungai Kinta bengkang-bengkok," jelas cikgu kepada murid-muridnya.
II Syarikat penerbitan itu mempunyai <u>cabang</u> di seluruh Malaysia.
III <u>Cabang</u> pohon cempedak itu patah kerana buahnya yang sangat lebat.
IV Syair adalah satu daripada <u>cabang</u> puisi lama Kesusastraan Melayu.</p> <p>A I dan III sahaja C I, III dan IV sahaja
B II dan III sahaja D I, II, III dan IV</p> | <p>10 I Lim telah <u>mencatat</u> perkara-perkara penting yang disampaikan oleh penceramah itu.
II Syahrul Yuzi telah <u>mencatat</u> sejarah dalam bidang lumba motosikal.
III Pasukan polis telah <u>mencatat</u> kemenangan dalam pertandingan tinju itu.
IV Cik Zainon menjadi <u>mencatat</u> masa dalam acara balapan.</p> <p>A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B I dan III sahaja D I, III dan IV sahaja</p> |

E


Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

Bahagian A

Bahagian A

[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



BAHAGIAN A

Nombor Soalan

10

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

Kamu akan menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu di sekolah kamu. Tajuk syarahan kamu itu ialah “Hidup Sepakat Membawa Berkat”. Tulislah teks syarahan kamu itu selengkapnya.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan **pilih jawapan yang betul**.

serasi

semangat

penentu

melentur

lapisan

sepakat

faedah

ringan

pelbagai

menjana

HIDUP SEPAKAT MEMBAWA BERKAT

Yang Dihormati Saudara Peneraju Agenda, yang berusaha Tuan Guru Besar, barisan Penolong Kanan, Guru-guru Cemerlang, para hakim ...**(1)**... juara, guru-guru, serta rakan-rakan yang saya hormati. Selamat sejahtera saya ucapkan. “Hidup Sepakat Membawa Berkat”. Begitulah bunyi tajuk syarahan saya pada pagi ini.

“Hidup Sepakat Membawa Berkat”. Merujuk kamus dewan edisi ketiga, hidup ...**(2)**... membawa maksud hidup saling bekerjasama manakala membawa berkat pula bermaksud mendatangkan kebaikan dan faedah. Huraian ini ...**(3)**... dan sinonim dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, dan keturunan.

Hadirin yang saya hormati,

Amalan bermuafakat dan ...**(4)**... tulang perlu dipraktikkan dalam kehidupan kita. Bergotong-royong melakukan sesuatu kerja adalah contoh ...**(5)**... permuafakatan dalam masyarakat. Amalan sebegini mampu memupuk nilai murni sejagat.

Rakyat negara kita terdiri daripada ...**(6)**... kaum. Namun begitu, mereka hidup dalam keadaan yang harmoni kerana saling bekerjasama. Semangat kerjasama perlu dipupuk sejak daripada kanak-kanak lagi, seperti kata pepatah, kalau hendak ...**(7)**... buluh, biarlah daripada rebungnya.

Amalan bantu-membantu dan bekerjasama juga berupaya ...**(8)**... semangat kejiranan. Kehidupan berjiran akan lebih bermakna, aman, dan damai. Pembangunan dapat dilaksanakan oleh kerajaan untuk ...**(9)**... semua rakyat di negara kita.

Oleh sebab itu, ungkapan “Hidup Sepakat Membawa Berkat” wajarlah dihayati dan diamalkan oleh setiap ...**(10)**... masyarakat kerana mendatangkan banyak kebaikan. Sekian sahaja syarahan saya.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN B

Nombor Soalan

30



Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Membuat sesuatu kerja dengan lambat tetapi hasilnya amat memuaskan adalah lebih baik daripada membuat sesuatu kerja dengan cepat tetapi hasilnya tidak elok. Biasanya, jika kita ingin mendapatkan hasil kerja dengan cepat, kita akan melakukannya dengan tergopoh-gapah. Bekerja secara tergesa-gesa akan menyebabkan banyak berlaku kesilapan. Kita tepaksa mengulangi kerja itu semula. Lantaran itu, masa yang kita ambil tentulah lebih lama lagi. Andaikan, kita sedang menjalani latih tubi mata pelajaran Matematik, jika pelaksanaannya secara tergopoh-gapah berkemungkinan kita melakukan kesilapan dan menyebabkan pilihan jawapan kita salah. Begitu juga semasa kita menulis karangan, kita hendaklah berhati-hati, ambil sedikit masa untuk menyemak hasil cetusan idea kita agar sifar kesalahan daripada aspek ejaan dan gramatis bahasanya.

Selain itu, ketika kita menyeberangi jalan raya umpamanya, kita perlu melihat ke kiri, ke kanan dan ke kiri semula sebelum melintas. Andainya kita tidak berbuat demikian, berkemungkinan kita akan ditimpah kemalangan. Keadaan ini tidak akan berlaku sekiranya kita berhati-hati. Begitulah juga dengan kemalangan yang sering berlaku. Para pemandu memandu kenderaan dengan laju untuk cepat sampai ke destinasi mereka tanpa menghiraukan keselamatan orang lain. "Biar Lambat Asalkan Selamat".

Nombor Soalan

Bahagian C

20

A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis, barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, rakan-rakan pencadang dan seterusnya hadirin yang dihormati. Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Berdirinya saya di dewan yang permai ini adalah untuk meneruskan tugas rakan saya yang pertama tadi. Sebagai pembangkang kedua, saya tetap membangkang tajuk perbahasan kita pada pagi ini, iaitu "Guru Lebih Berperanan Membentuk Peribadi Murid Daripada Ibu Bapa".

Hadirin yang dihormati,

Pepatah Melayu ada mengatakan, bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Ke mana tumpahanya kuah kalau tidak ke nasi? Maksud pepatah tersebut adalah buruk baik seseorang ibu bapa itu sedikit sebanyak turun kepada anaknya. Warisan generasi dan keturunan Ini membawa makna keperibadian seseorang murid itu dipengaruhi oleh orang tuanya. Tambahan pula, ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dan akrab dengan seseorang murid. Ibu bapa yang mengasuh, membela dan mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Oleh itu, ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi seseorang murid.

Masa lebih banyak dihabiskan oleh seseorang murid di rumah, sedangkan di sekolah guru mendampingi murid selama kira-kira enam jam sehari. Masa untuk guru membimbing murid itu amat terhad. Tambahan pula, para guru bertanggungjawab menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam satu-satu mata pelajaran mengikut sukanan yang telah ditetapkan. Seorang guru juga tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada seorang murid kerana bilangan murid yang banyak dalam sesebuah kelas.

Tidakkah pihak pencadang sedar bahawa sejak kecil lagi ibu bapalah yang memperkenalkan kita dengan banyak perkara baru. Ajaran kedua-dua orang tua itu mudah diingati oleh anak-anak. Maka jelaslah mengapa ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi murid berbanding guru.

Nampaknya **masa amat mencemburui saya**. Sebelum saya terus dicemburui, izinkanlah saya mengorak langkah, mengundur diri. Tirai perbahasan, saya akhiri dengan serangkap pantun.

Anak dara menampi padi,
Padi diletak di atas tangga;
Anak muda gemilang peribadi,
Berkat asuhan ayah dan bonda.

Sekian, terima kasih.

- 1 Apakah idea utama yang hendak disampaikan oleh pihak pembangkang?
A Peribadi murid terbentuk secara warisan semula jadi
B Ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi murid
C Guru dan ibu bapa berperanan membentuk peribadi murid
D Setiap murid bertanggungjawab membentuk peribadi sendiri

 - 2 Mengapakah ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi seseorang murid?
A Ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab membesarkan anaknya
B Ibu bapa merupakan orang yang paling disayangi dan dihormati oleh anaknya
C Ibu bapa merupakan orang yang mengasuh, membela, dan mendidik anaknya
D Ibu bapa berkuasa untuk menyuruh dan melarang anaknya melakukan sesuatu

 - 3 Merujuk petikan di atas, berapa orangkah yang sudah menyampaikan hujah-hujahnya?
A 2 orang **B** 3 orang **C** 4 orang **D** 5 orang

 - 4 Berapakah jumlah masa yang dihabiskan oleh seseorang murid itu di sekolah selama seminggu?
A 20 jam **B** 25 jam **C** 30 jam **D** 35 jam

 - 5 Apakah maksud frasa **masa amat mencemburi saya**?
A Masa berasa iri hati terhadap pihak pembangkang
B Pihak pencadang tidak sabar-sabar untuk berhujah
C pembangkang sudah kehabisan idea untuk berhujah
D Masa untuk menyampaikan hujah sudah hampir tamat

**B**

Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

- Sudah tiga hari adik Ahmad Nazrul tidak hadir ke sekolah kerana dia demam **selsema**. (salah)
Sudah tiga hari adik Ahmad Nazrul tidak hadir ke sekolah kerana dia demam **selesema**. (betul)
{Perkataan di atas sering disalah ejakan, ejaan yang sebenarnya mengikut kamus dewan ialah **selesema**}
- Emak bercadang hendak membeli empat keping **murtabak ayam** di Bazar Ramadhan petang nanti. (salah)
Emak bercadang hendak membeli empat keping **martabak ayam** di Bazar Ramadhan petang nanti. (betul)
{Perkataan di atas selalu disalah ejakan, ejaan yang sebenarnya ialah **martabak** bukan **murtabak/mertabak**}

1. Saiful Apek ialah pelakon utama dalam filem "Jutawan Fakir". (**komedi, komidi**)
 Jawapannya : _____
2. Berpuluh-puluh helai daun tersusun di dalam dulang tembaga itu . (**sireh, sirih**)
 Jawapannya : _____
3. Hujan lebat berhari-hari menyebabkan seberang dilanda banjir kilat (**kampong, kampung**)
 Jawapannya : _____
4. Beberapa orang bintang turut menghiburkan kanak-kanak istimewa di majlis itu. (**popular, pupular**)
 Jawapannya : _____
5. Harun mempunyai cita-cita dan yang tinggi untuk berjaya dalam peperiksaan. (**matlamat, matalamat**)
 Jawapannya : _____

**C**

Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan membetulkan **ayat** yang sengaja disalahkan.

- 1 Setengah murid tidak tahu membahagi-bahagikan masa dengan baik.

- 2 Mak Cik Mariam menghidangkan tetamunya sepinggan kuih seri muka.

- 3 "Masukkan sedikit cili sos ke dalam masakan itu," kata ibu kepada kakak.

- 4 Berhati-hati memandu kenderaan di selekoh yang tajam dan merbahaya itu.

- 5 Satu rampasan mercun terbesar telah dilakukan oleh pasukan kastam Kelantan pagi tadi.

- 1** **I** Kakak sedang mengelekan adiknya yang sedang menangis.
II Kucing belang itu dikejar oleh seekor anjing betina.
III Cataktan nama mereka itu kepada kertas yang berikut.
IV Aduan tuan tentang kecurian itu akan kami siasat.
A I dan III sahaja **C** II dan IV sahaja
B II dan III sahaja **D** III dan IV sahaja
- 2** **I** Berhubung hal itu, kamu kena melayari ketua kampung.
II Separuh penghuni blok rumah pangsa itu telah dipindahkan semalam.
III Jurutera muda itu sedang melawat projek perumahan Desa Bakti.
IV Lima orang pegawai polis dari unit bantuan khas dibenarkan bercuti rehat esok.
A I dan II sahaja **C** II dan IV sahaja
B II dan III sahaja **D** III dan IV sahaja
- 3** **I** Baju kurung yang berwarna hijau muda itu kepunyaan kakak saya.
II Surat berdaftar ini hendak saya kirim pada Puan Zarina.
III Ketika itu hari hujan, Lim Swee Lan sampai ke rumah Liza.
IV Kamariah berjanji untuk berjumpa dengan Rani petang nanti.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B I dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja
- 4** **I** Opah Leha membeli mini telekung itu untuk dihadiahkan kepada cucunya.
II Kanak-kanak perempuan lebih gemar dan minat bermain masak-masak.
III Hanya ayah dan abang sahaja yang akan pergi ke Kuala Lumpur.
IV Farid menghadiahikan anaknya sebuah basikal yang baru berwarna ungu.
A I dan II sahaja **C** I, II dan IV sahaja
B II dan IV sahaja **D** I, II, III dan IV
- 5** **I** Kucing yang baru lahir itu sedang menjilat-jilat kakinya.
II Saya ingin tahu siapa guru yang mengajar kamu bermain hoki.
III Ular senduk yang kaupukul dengan buluh itu sudah mati.
IV Basikal Yahaya tidak boleh dikayuh kerana rantainya putus.
A I dan II sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B III dan IV sahaja **D** I, II, III dan IV
- 6** **I** Kambing-kambing yang telah berkeliaran di padang itu kepunyaannya.
II Inilah kali pertama saya dan keluarga saya menaiki kapal terbang.
III Muhammad Shafiq tidak sampai ke sekolah kerana dia sakit mata.
IV Kami singgah di sebuah kedai kopi kerana hendak membeli minuman sejuk.
A I dan II sahaja **C** II dan IV sahaja
B I dan III sahaja **D** III dan IV sahaja
- 7** **I** Selepas kejadian itu, Linggam terlantar di rumah sehingga kini.
II Pada musim menuai padi, pemandangan di sawah kekuning-kuningan.
III Ikan air masin kadang-kadang harganya semurah ikan air tawar.
IV Setelah hujan berhenti, perlawanannya itu pun disambung semula.
A I dan III sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B I, II dan IV sahaja **D** I, II, III dan IV
- 8** **I** Sila berurus di kaunter pertanyaan untuk mendapatkan borang tersebut.
II Dia bercita-cita memiliki sebuah banglo di kawasan Subang Jaya.
III Indah nian pemandangan di sawah padi itu ketika padi sedang menguning.
IV Semua para penonton berpuas hati dengan persembahan drama itu.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B II dan IV sahaja **D** I, II, III dan IV
- 9** **I** Hamidun dan kawan-kawannya bermain bola sepak di waktu petang.
II Tolong jangan pijak rumput yang ditanam di kawasan ini.
III Tiap-tiap pagi saya dan kakak ke sekolah berjalan kaki.
IV Dino dan Harun berselisih pendapat dalam menangani masalah itu.
A I dan II sahaja **C** III dan IV sahaja
B II dan III sahaja **D** I, III dan IV sahaja
- 10** **I** Saya tidak ke mana-mana semalam kerana saya sakit gigi.
II Pengemis itu tidur hanya bertilamkan surat khabar lama .
III Berikan buah duku itu kepada siapa sahaja yang kamu suka.
IV Bas ekspres itu meninggalkan Teluk Intan menuju Kuala Lumpur.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B II dan III sahaja **D** I, II, III dan IV

E

Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

Bahagian A


[Masa yang dicadangkan : 15 minit]
[10 markah]

- Tulis lima ayat lengkap tentang jadual di bawah.

JADUAL PENERBANGAN PESAWAT BOEING 737 KLIA SEPENG 5 JUN 2005 (AHAD)				
Destinasi	Masa Berlepas	Masa Ketibaan	Pemeriksaan Tiket/Bagasi	Destinasi Persinggahan
Johor Bahru	11.15 pagi	11.45 pagi	Kaunter 1	-
Kuantan	9.30 pagi	10.15 pagi	Kaunter 2	-
Kota Bharu	10.45 pagi	11.45 pagi	Kaunter 2	-
Kota Kinabalu	10.00 pagi	12.30 tgh.	Kaunter 3	Kuching, $\frac{1}{2}$ jam
Labuan	9.15 pagi	11.45 pagi	Kaunter 3	Sibu, $\frac{1}{2}$ jam
Kuching	11.45 pagi	1.15 petang	Kaunter 3	-
Kangar	9.00 pagi	10.00 pagi	Kaunter 4	-
Bayan Lepas	10.30 pagi	12.00 tgh.	Kaunter 4	Alor Setar, $\frac{1}{2}$ jam

BAHAGIAN A

Nombor Soalan	
---------------	--



Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

Kamu telah dipilih mewakili daerah dalam pertandingan perbahasan. Sebagai pencadang yang pertama, kamu dikehendaki memberi hujah-hujah berdasarkan tajuk “Kemajuan Sains Banyak Memberi Kebaikan Daripada Keburukan”. Tuliskan teks perbahasan kamu itu selengkapnya.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.

menarik

kemajuan

komunikasi

tugas

membantu

ciptaan

melicinkan

barisan

hakikat

menjadi

KEMAJUAN SAINS BANYAK MENDATANGKAN KEBAIKAN DARIPADA KEBURUKAN

Terima kasih kepada Saudara Peneraju Majlis, yang saya hormati para hakim yang arif dengan neraca keadilannya, ...**(1)**... pembangkang dan rakan sekalian. Berdirinya saya sebagai pihak pencadang dalam majlis ini adalah untuk menyatakan bahawa “Kemajuan Sains Banyak Mendatangkan Kebaikan daripada Keburukan”.

Kemajuan sains melalui ciptaan alat-alat moden banyak ...**(2)**... memajukan sesebuah negara. Sebagai contoh, kilang kereta Proton dan Perodua di negara kita. Jentera-jentera pemasangan termasuk robot-robot digunakan supaya kerja ...**(3)**... cepat dan jumlah pengeluaran dapat ditingkatkan.

Kepesatan ciptaan sains banyak meningkatkan keupayaan sistem ...**(4)**... di negara ini. Ciptaan alat-alat komunikasi seperti telefon bimbit, telefon bergambar, komputer dan sebagainya telah mempercepat penyebaran maklumat dari dalam dan dari luar negara. Kemajuan ini dapat membantu ahli perniagaan dan memudahkan kita berinteraksi. Kemajuan ini juga mampu ...**(5)**... pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Hadirin yang dihormati,

Kemajuan sains banyak membantu ...**(6)**... sistem pengangkutan di sesebuah negara. Ciptaan pengangkutan moden, seperti kereta api bawah tanah, relbas, dan kereta kabel membuktikan ...**(7)**... ini. Kenderaan ini dapat memudahkan perjalanan dan menjimatkan masa serta kos.

Alat-alat ...**(8)**... sains juga banyak membantu manusia melaksanakan pelbagai tugasan sehariannya mereka. Mesin basuh, peralatan dapur, televisyen, periuk nasi, dan lain-lainnya, bukan sahaja mempercepat ...**(9)**... malahan memudahkan kerja.

Berdasarkan hujah-hujah yang saya berikan, jelas dan nyata bahawa ...**(10)**... sains lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan, adalah benar. Perkara ini bukan khayalan tetapi kenyataan.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN B

Nombor Soalan

30

Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan berita di bawah.
 Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.
 Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Program Rakan Muda yang diilhamkan oleh kerajaan dapat membantu melahirkan remaja yang berkualiti. Sebagai contohnya, gaya hidup Rakan Rekreasi menyediakan pelbagai aktiviti yang mencabar. Aktiviti-aktiviti lasak seperti mendaki gunung, merentasi hutan atau berkayak akan dapat membentuk dan memupuk sifat berani, cekal hati serta yakin kepada diri sendiri. Semua aktiviti tersebut berteraskan disiplin diri yang tinggi. Selain itu, melalui program Rakan Cipta, para remaja berpeluang menonjolkan kebolehan mereka cipta pelbagai alat atau penemuan baru dengan berdasarkan kreativiti masing-masing. Hal ini tentu sekali berguna kepada diri sendiri, bangsa dan negara pada suatu masa kelak.

Melalui program Rakan Muda, para remaja dapat juga memupuk semangat kerjasama, seperti pahat dengan penukul, dan bersatu padu bagi aur dengan tebing. Nilai-niali murni ini penting demi menjamin tercapainya hasrat utama kerajaan, iaitu membina perpaduan bangsa yang erat. Jelaslah di sini bahawa program Rakan Muda banyak membawa kebaikan kepada para remaja. Sehubungan dengan itu, ibu bapa memainkan peranan agar menyokong program ini sepenuhnya demi kebaikan bersama.

Nombor Soalan

Bahagian C

20